

13/06/2003

Pegawai daerah perlu bantu perangai dadah

Lee Lam Thye

PADA mesyuarat agungnya ke-28 di Pulau Pinang, baru-baru ini, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) memperbaharui komitmennya untuk meneruskan perjuangan membanteras gejala penyalahgunaan dadah - musuh utama negara.

Mesyuarat tahunan yang dirasmikan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr

Koh Tsu Koon, sebulat suara menerima usul menyokong deklarasi 2003 kerajaan untuk memerangi dadah habis-habisan, yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 29 Mac lalu, di Kepala Batas, Pulau Pinang.

Selari dengan rancangan lima tahunnya yang dipersetujui di Kota Kinabalu, pada Januari 2002 yang bertujuan menjadikan keluarga, sekolah, tempat kerja dan komuniti bebas daripada dadah, mesyuarat kali ini juga berazam menjadikan kenyataan deklarasi 2003 kerajaan melalui pembabitan secara aktif Pemadam di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Kemuncak mesyuarat agung kali ini ialah ucapan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman pada sesi khas dengan pegawai daerah. Sesi itu yang pertama kali diadakan sempena mesyuarat agung Pemadam memberi peluang kepada beliau meminta kerjasama pegawai daerah memerangi penyalahgunaan dadah.

Beliau meminta mereka memikul tanggungjawab memerangi penyalahgunaan dadah di daerah masing-masing dan menganggapnya sebagai tanggungjawab dalam semangat sukarelawan sejati untuk membantu negara bebas ancaman dadah.

Katanya: "Pegawai daerah adalah raja yang mengetahui rakyatnya dengan baik."

Pegawai daerah bukan saja mengetahui masalah rakyat di daerahnya, malah berkemampuan memberikan kepimpinan memerangi dadah.

Mereka juga mampu mempengaruhi dan merangsang badan kerajaan dan bukan kerajaan serta pertubuhan masyarakat lain untuk memerangi dadah.

Pegawai daerah juga boleh menerajui pelaksanaan rancangan lima tahun Pemadam pada peringkat daerah dan menjadikan usaha kerajaan untuk memerangi dadah habis-habisan menjadi kenyataan.

Pegawai daerah perlu menganggap pembabitan mereka dalam memerangi penyakit masyarakat utama ini sebagai menyahut seruan suci yang sangat bermakna demi kepentingan generasi muda.

Dalam usaha mencapai tujuan dan objektif, Pemadam sebagai rakan kongsi kerajaan setia dan boleh dipercayai untuk membasmi penyalahgunaan dadah, semua daerah Pemadam memainkan peranan yang sangat penting dalam perjuangan itu.

Dalam usaha memerangi dadah, undang-undang saja tidak mencukupi.

Kita

memerlukan penguatkuasaan undang-undang secara berkesan untuk menghantar mesej jelas bahawa kerajaan tidak dapat menerima sebarang bentuk penyalahgunaan dadah.

Yang paling penting kita perlu mengasuh dan mendidik generasi muda membenci dadah dengan menerapkan nilai murni seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kita memerlukan pelaksanaan Program Nilai Untuk Negara - program jangka panjang dengan semua sektor dalam masyarakat, termasuk guru dan ibu bapa membantu menerapkan nilai moral murni di kalangan generasi muda. Ini supaya mereka dapat membezakan di antara baik dan buruk, serta penuh dengan kepercayaan diri untuk membuat keputusan yang betul dalam kehidupan.